

## Pengarah urusan ditahan, dituduh buat tuntutan palsu RM8 juta

**JOHOR BAHRU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang bekas pengarah urusan sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) bagi membantu siasatan berhubung kesalahan tuntutan.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 59 tahun itu ditahan di Pejabat SPMR Johor, kira-kira pada

jam 11 pagi Isnin selepas hadir untuk memberikan keterangan.

Katanya, suspek didakwa membuat tuntutan palsu melibatkan nilai kira-kira RM8 juta ketika memegang jawatan berkenaan pada 2016.

“Suspek didakwa telah mengemukakan tuntutan berkenaan kepada sebuah syarikat lain bagi kerja-kerja melibatkan penggantian

barang IT,” katanya ketika dihubungi di sini, pada Isnin.

Sementara itu, Pengarah SPMR Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPMR 2009.

Bagaimanapun, katanya, suspek kini telah dilepaskan dengan jaminan SPMR.